

# Khairy kesal keangkuhan Amerika, Britain

**K**UALA LUMPUR: Pemuda Umno kesal dengan keangkuhan Amerika Syarikat dan sekutunya, Britain yang menolak cadangan supaya gencatan senjata diadakan segera di Lubnan.

Naib Ketuanya, Khairy Jamaluddin, berkata adalah diharapkan majoriti negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) merangkumi negara Islam seperti Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) dapat membuat suatu keputusan pada perhimpunan agung PBB.

"Kita yakin, mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif OIC, Khamis ini akan dapat membuat keputusan membawa suara sebahagian besar

penduduk dunia ke perhimpunan agung PBB bagi menghentikan kekejaman Israel terhadap Lubnan dan Palestin," katanya ketika dihubungi, semalam.

Khairy berkata, jika ada undian secara demokrasi pada perhimpunan agung PBB, kita akan mendengar pandangan daripada sebahagian besar penduduk dunia bahawa mereka mahukan keamanan dan meminta gencatan senjata diadakan.

"Meskipun undian dan keputusan diperoleh pada perhimpunan agung tidak berkuasa seperti keputusan Majlis Keselamatan PBB, yang penting ia jelas menunjukkan kehendak majoriti penduduk dunia," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai

*"Kita yakin,  
mesyuarat  
Jawatankuasa  
Eksekutif OIC,  
Khamis ini dapat  
buat keputusan  
membawa suara  
sebahagian besar  
penduduk dunia"*

**Khairy Jamaluddin**  
Naib Ketua Pemuda Umno

mengulas keangkuhan pemimpin Amerika Syarikat dan Britain menolak cadangan gencatan senjata di Lubnan.

Sebaliknya, Presiden George W Bush dan Perdana Menteri Britain, Tony Blair mahu menaja satu resolusi lain, pada Majlis Keselamatan PBB bagi meluluskan penubuhan pasukan pengaman pelbagai negara untuk meronda zon keselamatan di sempadan Lubnan.

Penolakan cadangan gencatan senjata kedua-dua pemimpin itu jelas menunjukkan keangkuhan mereka tidak mengendahkan kemarahan masyarakat antarabangsa yang mahu PBB segera campur tangan di selatan Lubnan.